



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 27 MAC 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	3,914 USAHAWAN DILULUSKAN GERAN BANTUAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KEDAH PADI FARMERS 'SACRIFICE' AS DAMS RUN LOW, FRONT PAGE, NEW STRAITS TIMES, M/S – 1	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	IRRIGATION FOR MADA PADI FIELDS HALTED FOR NOW, DRY DIRECT SEEDING TO START, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 6	
4.	MADA MOHON LAKSANA PEMBENIHAN AWAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 5	
5.	EMPANGAN MUDA REKOD PARAS RENDAH, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	
6.	MADA MOHON LAKSANA OPERASI PEMBENIHAN AWAN SEKALI LAGI, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 6	
7.	12,471 AGROPRENEUR MUDA TERIMA PEMBIAYAAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	
8.	TEKNOLOGI TARIK MINAT ORANG MUDA, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	LAIN - LAIN
9.	SOCIAL MEDIA SPARKS RAPID GROWTH IN MALAYSIA'S 'DURIAN TOURISM', LYFE, THE SUN, M/S – 22	
10.	MPE PERKASA PENIAGA TANI, AGROPRENEUR, NIAGA, KOSMO, M/S – 31	
11.	FARMERS WARN OF RISING VEGGIE PRICES, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 4	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20

3,914 usahawan diluluskan geran bantuan

Kuala Lumpur: Malaysia menjadi antara negara di rantau ASEAN yang aktif mempromosikan pembabitian generasi muda dalam sektor agromakanan bagi memperkukuh ekosistem makanan negara serta meningkatkan daya tahan sistem makanan dalam menghadapi cabaran global.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, pelbagai program pembangunan agropreneur, latihan teknologi serta sokongan pembiayaan diperkenalkan bagi menarik lebih ramai belia menceburi sektor pertanian dan agromakanan.

KPKM berkata, sehingga suku keempat 2025, seramai 3,914 usahawan muda diluluskan geran bantuan di bawah Program Agropreneur Muda yang merangkumi subsektor tanaman, ternakan, perikanan serta industri makanan dan asas tani.

"Daripada jumlah itu, 2,789 usahawan masih aktif menjalankan projek dengan kadar kelangsungan sebanyak 84.36 peratus, sekali gus menunjukkan tahap daya tahan yang baik dalam kalangan agropreneur muda.

"Trend penyertaan generasi muda dalam sektor agromakanan menunjukkan perkembangan positif sejak beberapa tahun kebelakangan ini," katanya.

Katanya, bilangan penerima geran di bawah Program Agropreneur Muda meningkat secara konsisten daripada 704 penerima

pada 2022 kepada 758 pada 2023, meningkat kepada 818 pada 2024 dan seterusnya 843 pada tahun lalu.

"Perkembangan ini menunjukkan minat yang semakin meningkat dalam kalangan generasi muda untuk menceburi sektor agromakanan, khususnya apabila sektor ini semakin dipacu oleh penggunaan teknologi, inovasi serta model perniagaan pertanian moden.

"KPKM turut mensasarkan peningkatan berterusan penyertaan generasi muda dalam sektor agromakanan melalui pembangunan lebih ramai agropreneur baharu serta pengukuhan rangkaian nilai industri makanan negara," katanya.

Kementerian itu berkata, fokus turut diberikan kepada pemodenan sektor melalui penggunaan teknologi serta pembangunan model perniagaan yang lebih berdaya maju bagi menjadikan sektor ini lebih menarik kepada generasi muda.

Selain Program Agropreneur Muda, kementerian itu turut memperkenankan Program Agropreneur NextGen bermula Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) yang memberi penekanan kepada pembangunan agropreneur generasi baharu yang lebih celik teknologi melalui penggunaan automasi, digitalisasi serta pertanian pintar.

"Setakat ini, keberkesanan program berkenaan

dapat dilihat apabila 2,789 projek masih aktif dengan kadar kelangsungan sebanyak 84.36 peratus.

"Selain itu, 961 usahawan mencatatkan peningkatan jualan melebihi 100 peratus selepas menerima sokongan program, manakala 816 peserta berjaya menjana pendapatan bulanan melebihi RM5,000," katanya.


KPKM berkata, usahawan muda juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pengeluaran makanan domestik.

"Melalui Program Agropreneur Muda, projek yang dilaksanakan melibatkan 1,019 projek tanaman, 476 projek ternakan, 293 projek perikanan serta 1,001 projek industri makanan dan asas tani, sekali gus memperkukuh rangkaian nilai agromakanan negara.

"Bagaimanapun, kementerian mengakui terdapat beberapa cabaran dalam usaha meningkatkan penyertaan belia dalam sektor berkenaan, termasuk persepsi terhadap bidang pertanian, akses kepada tanah dan modal permulaan serta keperluan pengetahuan teknologi dan pengurusan perniagaan.

"Justeru, pembangunan ekosistem sokongan yang merangkumi latihan, pembiayaan, teknologi serta bimbingan keusahawanan terus diperkukuh bagi memastikan sektor agromakanan kekal berdaya saing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	NEW STRAITS TIMES	FRONT PAGE	1



Kedah padi farmers 'sacrifice' as dams run low

THE Muda Agricultural Development Authority tells farmers to seed their fields dry as it will prioritise water for domestic users instead of irrigating padi.

» REPORT BY AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR

- King advises people to take precautions as mercury rises
- Water system in northern peninsula strained but holding

» PAGES 6 & 7

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	6

Irrigation for Mada padi fields halted for now, dry direct seeding to start

ALOR STAR: Water for irrigation of padi fields in the Muda Agricultural Development Authority (Mada) area will be halted in the upcoming padi planting season.

Farmers will instead adopt dry direct seeding because of a prolonged hot and dry spell that has pushed water levels at its three major dams to about 39 per cent capacity.

Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh said the move, while not ideal, was necessary as water supply for irrigation would be temporarily halted to prioritise domestic use.

He said current conditions had placed the agency under pressure, given its role in safeguarding national food security, with dam levels now hovering at critically low levels.

"Because of this, we have planned to implement dry direct seeding. This method comes with challenges, such as weeds, weedy rice and various crop diseases.

"We have implemented it before, including in 2017 and 2020, but with lower yields. But given the situation, we must proceed and continue to pray for rain," he told the *New Straits Times* yesterday.

Ismail added that delaying the planting schedule further could negatively affect the padi cultivation activity for the season.

Ismail said the decision to proceed with dry seeding was based on long-term data, not guesswork.

He acknowledged concerns from farmers over lower yields

and crop issues, but stressed the approach was the best available option under current conditions.

"We are not simply forcing dry seeding, but if we delay too long, it may adversely affect the planting schedule," he said, adding that Mada would finalise the first padi planting season schedule for 2026 in a meeting on Thursday next week.

Most areas within the Mada region have recently completed harvesting for the previous padi season, with the next planting cycle expected to begin in April.

Checks on its open-source data yesterday showed that Muda Dam holds 10,050 acre-feet (8.04 per cent capacity), Pedu Dam 349,030 acre-feet (39.89 per cent capacity), and Ahning Dam 121,089 acre-feet (54.30 per cent capacity).


Combined, the three reservoirs stand at 480,169 acre-feet, or 39.26 per cent capacity.

Meanwhile, Ismail said the situation at Muda Dam was not unprecedented, noting that levels had previously dropped to as low as five per cent before recovering after heavy rainfall.

Ismail said domestic water supply remained unaffected, with all 13 water treatment plants within Mada's canal system continuing operations as usual.

"It is not affected one bit as we are still releasing water for treatment plants. We have to sacrifice padi irrigation due to insufficient levels but domestic water supply remains the priority," he said.

On cloud seeding, he said Mada



Pedu Dam's water level receded to 39.89 per cent of its capacity yesterday. NSTP PIX BY WAN NABIL NASIR

had submitted an application to the National Disaster Management Agency (Nadma), with operations dependent on suitable cloud formation.

He said earlier cloud seeding attempts in February had not yielded results.

"Nadma will coordinate with the Meteorological Department (MetMalaysia) and the Royal Malaysian Air Force.

"But without clouds, operations cannot proceed. We are waiting for the right conditions.


"We are awaiting coordination from all relevant parties following our application. As we enter the inter-monsoon period, we hope cloud formation will improve," he added.

He said special prayers for rain had been conducted.

"We are praying earnestly for rain. Even if it does not come, we have no choice but to face this challenge," he said.

Yesterday, MetMalaysia said the inter-monsoon phase was expected to begin tomorrow and continue until May, marking the end of the Northeast Monsoon.

During this phase, conditions



The dry condition at Muda Dam in Padang Terap yesterday.

typically bring short bursts of heavy rain and strong winds, especially in the afternoon and early evening across the west coast and inland areas of Peninsular Malaysia, as well as western Sabah and Sarawak.

Separately, Ismail said rising diesel costs were compounding the burden on farmers, with Ma-

da engaging relevant ministries to review subsidy eligibility.

"It is not fair for them to bear diesel costs of RM5 to RM6 per litre.

"Ultimately, the burden falls on the farmers.

"We encourage those eligible to register so they can receive subsidised rates."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	HARIAN METRO	LOKAL	5

MADA mohon laksana pembenihan awan

Kuala Nerang: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sekali lagi memohon pelaksanaan operasi pembenihan awan (OPA) susulan kemarau berpanjangan yang menjejaskan paras air tiga empangan utama di Kedah ketika ini.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, permohonan itu dibuat selepas usaha sebelum ini termasuk OPA pada bulan lalu, belum memberikan hasil memberangsangkan.

Katanya, keadaan cuaca panas berterusan menyebabkan paras air di Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning kini berada pada tahap membimbangkan.

"Ketika ini paras keseluruhan tiga empangan utama hanya sekitar 38 peratus dan ini memberi tekanan besar kepada sektor pengairan sawah padi di bawah seliaan MADA.

"Kita sudah berusaha dan merancang pelbagai langkah, termasuk memohon sekali lagi OPA, namun pelaksanaannya bergantung kepada keadaan awan dan cuaca," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Selain itu, Dr Ismail berkata, operasi pembenihan awan memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta agensi berkaitan yang akan menilai kesesuaian keadaan.

Katanya, langkah itu

penting untuk dilaksanakan segera kerana MADA memikul tanggungjawab besar dalam menjamin keterjaminan makanan negara khususnya bekalan beras.

"Kalau tiada awan, kita tidak boleh lakukan OPA. Jadi kita tunggu perancangan semua pihak dan berharap peralihan monsun nanti akan membawa pembentukan awan serta hujan.

"Disebabkan itu kita perlu terus berusaha dan berharap apa yang kita lakukan termasuk menunaikan solat Istisqa' ini dapat membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Ismail berkata, situasi ketika ini tidak kurang mencabar berbanding tahun lalu, apabila paras air di empangan menyusut sehingga sekitar lima peratus, namun pulih segera susulan hujan lebat tidak lama kemudian.

"Tahun lalu walaupun paras air rendah, hujan turun lebih awal dan keadaan kembali pulih. Tetapi tahun ini kita lihat kemarau lebih panjang seperti diramalkan MetMalaysia.

"Itu yang menimbulkan kebimbangan kerana setakat ini hujan masih belum turun dalam tempoh yang diharapkan dan jika keadaan berterusan, ia boleh memberi kesan kepada jadual penanaman padi serta hasil pengeluaran di kawasan MADA," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Empangan Muda rekod paras rendah

Hanya catat 8.04 peratus takungan air setakat Khamis

ALOR SETAR - Takungan air di Empangan Muda di Sik berada pada paras rendah dan membimbangkan apabila hanya merekodkan sekitar 8.04 peratus setakat Khamis.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh berkata, Empangan Muda sangat penting dan berperanan mengumpul air sebelum menyalurkan kepada Empangan Pedu untuk penyaluran air pengairan ke Kawasan Muda bagi tanaman padi.

"Selepas beberapa bulan kemarau, paras takungan air di Empangan Muda berada pada tahap sekitar lapan peratus, tahap yang sangat rendah. Kalau dicampurkan semua, Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning berada sekitar 39 peratus.

"Pada paras itu, kalau hendak lepaskan air pun, kita sarankan untuk domestik loji rawatan air (LRA) sahaja. Keadaan ini serius kerana ia memberi kesan langsung kepada bekalan air terutama bagi kegunaan pengairan sawah padi," katanya menerusi penerangan di akaun TikTok rasminya.

Ismail berkata, dalam masa terdekat, MADA akan bermesyuarat bagi memulakan



FOTO: FACEBOOK DATUK DR ISMAIL SALLEH

Keadaan Empangan Muda di Sik yang hanya merekodkan sekitar 8.04 peratus takungan air setakat Khamis.

musim tanaman 1/2026 dan melihat kepada jumlah paras takungan air di ketiga-tiga empangan itu, keadaan tidak mengizinkan untuk melepaskan air dan merancang untuk melaksanakan kaedah tabur terus kering.

"Kita telah berjumpa dengan peladang bagi memberi penerangan, dalam tempoh tiga minggu ini, kita jangka musim 1/2026 bermula, jadi memang harap hujan turun, kalau tidak, memang tiada pilihan kena guna

kaedah itu juga kerana jadual tidak boleh ditunda lama.

"Kita akan terus berusaha dan pada masa sama mengajak semua pihak untuk bersama-sama berdoa agar hujan turun," katanya.

Menurut data di laman web rasmi MADA, Empangan Muda mencatatkan jumlah takungan paling rendah iaitu 8.04 peratus, Empangan Pedu 39.89 peratus manakala Empangan Ahning 54.30 peratus. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

MADA mohon laksana operasi pembenihan awan sekali lagi

Kemarau berpanjangan ketika ini jejas paras air tiga empangan utama di Kedah

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerang: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sekali lagi, memohon pelaksanaan operasi pembenihan awan (OPA) susulan kemarau berpanjangan yang ketika ini menjejaskan paras air tiga empangan utama di Kedah.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata permohonan ini dibuat selepas usaha sebelum ini termasuk OPA pada bulan lalu, belum memberikan hasil memberangsangkan.

Katanya, keadaan cuaca panas berterusan menyebabkan paras air di Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning, kini berada pada tahap membimbangkan.

"Ketika ini paras keseluruhan tiga empangan utama hanya sekitar 38 peratus dan ini memberi tekanan besar kepada sektor pengairan sawah padi di bawah seliaan MADA.

"Kita sudah berusaha dan merancang pelbagai langkah, termasuk memohon sekali lagi OPA, namun pelaksanaannya bergantung kepada keadaan awan dan cuaca," katanya ketika ditemui selepas program solat sunat Istisqa' di Dataran Mong Gajah, Empangan Pedu, semalam.

Ismail berkata, operasi pembenihan awan memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk Tenitera Udara Diraja Malaysia

(TUDM) serta agensi berkaitan yang akan menilai kesesuaian keadaan.

Katanya, langkah itu penting untuk dilaksanakan segera kerana MADA memikul tanggungjawab besar dalam menjamin keterjaminan makanan negara khususnya bekalan beras.

"Kalau tiada awan, kita tidak boleh lakukan OPA. Jadi kita tunggu perancangan semua pihak dan berharap peralihan monsun nanti akan membawa pembentukan awan serta hujan.

"Disebabkan itu kita perlu terus berusaha dan berharap apa yang kita lakukan termasuk menunaikan solat Istisqa' ini dapat membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, situasi ketika ini tidak kurang mencabar berbanding tahun lalu, apabila paras air di empangan menyusut sehingga sekitar lima peratus, namun pulih segera susulan hujan lebat tidak lama kemudian.

"Tahun lalu walaupun paras air rendah, hujan turun lebih awal dan keadaan kembali pulih tetapi tahun ini kita lihat kemarau lebih panjang seperti diramalkan MetMalaysia.

"Itu yang menimbulkan kebimbangan kerana setakat ini hujan belum turun dalam tempoh yang diharapkan dan jika keadaan berterusan, ia boleh memberi kesan kepada jadual penanaman padi serta hasil pengeluaran di kawasan MADA," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan pelaksanaan semula solat sunat Istisqa' dibuat atas inisiatif MADA yang menyahut seruan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan serta kerajaan negeri.

"Hari ini kita berada di hari keenam Syawal dan berkumpul di dataran Mong Gajah, Empangan Pedu bersama kira-kira 80 pegawai dan kakitangan MADA



Paras air di Empangan Pedu semakin surut berikutan cuaca panas.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

untuk menunaikan solat sunat Istisqa' kali kedua.

"Lebih sebulan lalu kita sudah lakukan solat sama dan selepas itu kita laksanakan OPA dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), namun kedua-duanya belum berhasil kerana kemarau masih berterusan," katanya.

Bekalan air mentah cukup

Dalam perkembangan berkaitan juga, Ismail berkata, bekalan air mentah sepanjang terusan MADA masih mencukupi bagi menampung operasi 13 Loji Rawatan Air (LRA) di Kedah yang digunakan untuk keperluan domestik dan industri walaupun berdepan cuaca panas dan kemarau.

Katanya, pelepasan air sebanyak kira-kira 1,000 kaki padu sesaat (cusec) masih diteruskan bagi memastikan keperluan air

bersih kepada rakyat tidak terjejas.

"Terdapat 13 LRA di Kedah dan kita dimaklumkan semuanya tidak terganggu walaupun sedikit kerana kita kekalkan pelepasan air untuk kegunaan domestik dan industri.

"Ini keutamaan kita ketika keadaan empangan utama berada pada tahap kritikal, yang penting bekalan air untuk rakyat masih ada," katanya.

Ismail berkata, langkah berkenaan terpaksa dibuat walaupun MADA terpaksa mengurangkan pelepasan air untuk sektor pertanian, khususnya tanaman padi.

Katanya, paras air empangan yang semakin rendah tidak mengizinkan pelepasan air seperti biasa untuk pengairan sawah buat sementara waktu.

"Kita tidak dapat lepaskan air untuk padi seperti sebelum ini

kerana paras empangan semakin menyusut, namun jika hujan kembali dan paras empangan meningkat, kita akan melepaskan mengikut jadual tanaman seperti biasa. Yang paling penting, bekalan air bagi kegunaan rakyat tetap kita pertahankan," katanya.

Beliau berkata, pesawah masih boleh meneruskan kerja menanam padi menggunakan kaedah tabur kering musim ini, walaupun jumlah air terhad dan berisiko terhadap hasil tanaman.

Paras air di Empangan Muda, Empangan Pedu, dan Empangan Ahning kini sekitar 38 peratus dan terus menunjukkan trend penurunan akibat ketiadaan hujan.

Menurut laman sesawang MADA, Empangan Pedu mencatat 39 peratus, Empangan Muda lapan peratus, dan Empangan Ahning 54.30 peratus.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20

12,471 agropreneur muda terima pembiayaan

Kuala Lumpur: "Pembaitan golongan muda dalam sektor agromakanan yang berkaitan dengan keterjaminan makanan negara semakin meningkat apabila lebih ramai agropreneur muda menerima pembiayaan bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Berdasarkan rekod Agrobank, seramai 12,471 agropreneur muda menerima pembiayaan bagi tempoh 2023 hingga tahun lalu, sekali gus mencerminkan peningkatan minat generasi muda terhadap sektor pertanian dan pengeluaran makanan domestik.

Daripada jumlah itu, bilangan penerima pembiayaan menunjukkan peningkatan konsisten daripada 3,000 akaun pada 2023 kepada 3,735 akaun pada 2024, sebelum meningkat kepada 5,736 akaun pada tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, trend itu menunjukkan sektor agromakanan semakin mendapat perhatian dalam kalangan generasi muda.

"Secara keseluruhan pembiayaan kepada golongan muda itu mewakili kira-kira 7.7 peratus daripada keseluruhan pembiayaan Agrobank.



"Pembiayaan kepada golongan muda itu mewakili kira-kira 7.7 peratus daripada keseluruhan pembiayaan Agrobank"

Tengku Ahmad Badli

"Manakala kumpulan bukan belia mencatatkan 148,904 pembiayaan atau sekitar 92.3 peratus daripada jumlah keseluruhan 161,375 akaun pembiayaan yang diluluskan," katanya.

Sepanjang tempoh sama, Agrobank turut menyalurkan pembiayaan kepada agropreneur muda yang terbabit dalam pelbagai subsektor pengeluaran makanan domestik seperti perikanan, ternakan, padi, sayuran dan

buah-buahan.

Secara keseluruhan, sebanyak 2,415 akaun pembiayaan diluluskan bagi subsektor itu dengan jumlah pembiayaan sekitar RM933 juta, sekali gus menyokong aktiviti pengeluaran makanan tempatan.

Ahmad Badli berkata, kadar pembayaran balik dalam kalangan peminjam belia turut menunjukkan prestasi membebankansangkan.

"Kadar pembayaran balik dalam kalangan peminjam belia adalah sekitar 97 peratus, lebih tinggi berbanding kumpulan bukan belia yang mencatatkan 85 peratus.

"Ini menunjukkan komitmen tinggi golongan muda dalam mengurus kewangan serta memenuhi tanggungjawab pembayaran balik pembiayaan mereka," katanya.

Selain itu, Agrobank turut mendedahkan penyertaan wanita lebih aktif dalam sektor agromakanan berkaitan keterjaminan makanan apabila 6,735 agropreneur wanita menerima pembiayaan, berbanding 4,286 agropreneur lelaki bagi tempoh 2023 hingga tahun lalu.

Katanya, berdasarkan trend semasa, Agrobank menjangkakan jumlah penyertaan agropreneur muda akan terus meningkat pada masa hadapan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediapi-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan memberi tumpuan untuk menarik lebih ramai golongan muda menyertai sektor pertanian dan agromakanan bagi memastikan keterjaminan makanan negara terus terpelihara.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, sektor pengeluaran makanan kini menjadi antara fokus utama kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) berikutan peranannya yang penting kepada kestabilan bekalan makanan negara.

Katanya, industri pertanian diklasifikasikan sebagai industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) bagi membuka ruang kepada penggunaan

AUTOMASI DAN APLIKASI DIGITAL DALAM AGROMAKANAN

Teknologi tarik minat orang muda

KERAH KUDRAT UBAH NASIB

Ushahuan mala buktikan bidang agromakanan perkukuh keterjaminan makanan negara



■ LAPORAN Harian Metro, semalam.

habitan generasi muda dalam sektor berkenaan.

Menurutnya, kerajaan juga memberi perhatian terhadap isu tenaga kerja dalam sektor pertanian yang ketika ini menunjukkan penyertaan golongan muda masih rendah.

"Keadaan ini sememangnya memerlukan perhatian kerana kelangsungan sektor pengeluaran makanan bergantung kepada penyertaan generasi baharu.

"Penggunaan teknologi moden seperti automasi dan aplikasi digital dalam sektor pertanian dijangka mampu mengubah persepsi terhadap bidang itu yang sebelum ini sering dianggap sebagai pekerjaan tradisional.

"Transformasi teknologi juga dapat membantu meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual," katanya.

teknologi serta menarik minat generasi muda.

"Pendekatan itu juga dilihat mampu meningkatkan kecekapan, produktiviti dan keberhasilan sektor berkenaan dalam jangka panjang.

"Apabila sektor ini dilihat sebagai industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi, ia membuka ruang kepada penggunaan teknologi dan kepakaran yang lebih meluas," katanya mengulas mengenai cabaran keterjaminan makanan negara serta usaha kerajaan memperkukuh pem-

Social media sparks rapid growth in Malaysia's 'durian tourism'

MALAYSIA has seen a growing "durian tourism" trend, with international visitors, particularly those from China, increasingly building short breaks and day trips around peak durian seasons and well-known producing areas, which appeal is culinary and experiential.

Travellers want to taste varieties at source, learn how the fruit is graded and visit orchards that have become destinations, BMI, a unit of Fitch Solutions, revealed recently.

"While this is not a new phenomenon, with regional tourists such as Singaporeans travelling to Malaysia for 'durian trips' for decades, this trend has been amplified by social media," it said.

On Chinese social media platforms, such as Douyin, the appeal of travelling to Malaysia specifically to eat durians has been magnified by how-to guides and the visa-free arrangement.

Durian's status as a must-try regional food experience has also been received particularly well in China, with the market now the world's top importer of durian in value terms, accounting for around 95% of global import demand, it said.

In 2025, China imported US\$7.5 billion (RM30 billion) worth of the fruit, with Thailand and Vietnam as the two largest source markets, BMI said in a report titled

"Malaysia leads Asean tourism market with growing premiumisation opportunities".

"While this has increased the availability of durians in China, Malaysian durians are considered to be top quality and often cost significantly more in China," it said.

Over the year, China imported US\$4 billion and 941,183 tonnes of fresh durians from Thailand. Vietnamese imports accounted for US\$3.4 billion and 920,578 tonnes.

Finally, China imported US\$37.2 million and 3,064 tonnes of fresh durians from Malaysia. For Thailand and Vietnamese durians, this works out to US\$4,239 per tonne and US\$3,739 per tonne respectively.

"For Malaysian durians, this figure is US\$12,138 a tonne, highlighting the significant higher price tag that Malaysian durian commands to the point where many Chinese consumers are willing to make a specific trip to Malaysia for the greater quality and authenticity at a lower price tag," said BMI.

As for international tourist arrival as a whole, the report said that it has continued to normalise since the pandemic, with inbound arrivals recovering strongly from 2023, as regional travel rebounded and airlines rebuilt capacity into Kuala Lumpur International Airport and key leisure gateways.

Malaysia has the largest international tourism sector in



Travellers want to taste durian varieties at source, learn how the fruit is graded and visit orchards that have become destinations. —ALL PICS FROM 123RF

Asean in terms of the number of international arrivals, at 42.2 million in 2025.

Neighbouring Asian countries remain the core demand base, supported by short-haul affordability and frequent connectivity from markets such as Singapore, Indonesia, Thailand, China and India.

"The introduction of visa-free entry for mainland Chinese and Indian nationals has helped stimulate demand in a price-

sensitive segment and aided the recovery of group tours and family travel."

Recovery from Europe has also improved, as long-haul schedules returned and Malaysia's entry requirements remain straightforward, while North American volumes have tended to lag due to longer journey times and more limited direct connectivity versus regional alternatives.

Air connectivity has been a key enabler of this rebound. Kuala

Lumpur's role as a hub, anchored by Malaysia Airlines and AirAsia, has supported point-to-point tourism and onward travel into secondary destinations, said the report.

Capacity growth has benefited established leisure markets such as Langkawi and Penang, while East Malaysia has also gained from improved links through Kota Kinabalu, which functions as a practical gateway for Sabah's nature and island tourism circuits, it added.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2026	KOSMO	NIAGA	31



CHIN WEI (dua dari kiri) pada sidang akhbar MPE di Komtar, George Town semalam.

MPE perkasa peniaga tani, agropreneur

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Dewan Usahawan Progresif Malaysia (MPE) komited memperkasakan golongan usahawan termasuk agropreneur serta kumpulan profesional dalam meningkatkan bidang kerjaya terutama melalui kemahiran kecerdasan buatan (AI).

Presidennya, Khoo Chin Wei berkata, penubuhan MPE pada Februari lalu disifatkan sebagai landasan terbaik buat golongan terbabit menerajui kerjaya yang merentasi pelbagai bidang perniagaan termasuk agroteknologi, permotoran, pemaju hartanah dan sektor-sektor lain secara

menyeluruh.

Menurut beliau, MPE juga dapat menyatukan usahawan di seluruh Malaysia dengan melibatkan rangkaian negara Asia.

“Kami sedang berbincang tentang bantuan untuk petani atau usahawan tani yang terjejas ekoran krisis diesel dan baja ekoran konflik di Asia Barat, ketika ini.

“Malah, kita juga sedia membantu peniaga baharu di bawah MPE untuk meringankan kos pemasaran, produk dan kos penguurusan mereka melalui pelbagai pendekatan yang bakal dilakukan,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

DROUGHT, MIDDLE EAST CONFLICT

Farmers warn of rising veggie prices

KUALA LUMPUR: Farmers' associations have warned that vegetable prices in the country are expected to rise due to drought and the war in the Middle East.

Federation of Malaysian Vegetable Farmers Associations president Ibrahim Roslan said the dry spell had led to widespread crop losses.

Parts of the northern region have gone nearly two months without rain, drying up water sources.

"Last year, farmers could produce up to three tonnes of produce a month. This year, some farms are producing nothing because there is no water," he told the *New Straits Times*.

He added that farmers were now able to water crops only once a day, hitting both the quantity and quality of farm produce.

"We estimate that quality may

fall by 50 per cent to 60 per cent due to insufficient water."

Ibrahim said the reduced supply would push prices higher, adding that this was expected to persist until at least June, based on meteorological forecasts.

He also said the Middle East conflict had contributed to rising fuel costs.

"Soaring fertiliser and pesticide prices are also driving up production costs for farmers,"

Ibrahim said the association had urged the Agriculture and Food Security Ministry to consider cloud-seeding operations to induce rain.

Malaysia Vegetable Association president Lim Ser Kwee said rising operational costs were making the overall situation worse.


Farmers need to irrigate crops more frequently due to the hot weather, increasing diesel usage

even as supply remains limited. "Sometimes, we can only get 20 litres of diesel a day, but farms may need up to 40 litres daily," Lim said.

He added that production costs had risen 20 per cent to 30 per cent compared with the same period a year ago, while retail prices were climbing faster than farm gate prices due to mark-ups along the supply chain.

Malaysia relies heavily on imported food, including vegetables, and its dependence on agricultural imports has made the sector more vulnerable to external shocks.

Cameron Highlands Chinese Farmers Association deputy president Cheng Nan Hong said seeds and other materials were largely imported, leaving the sector vulnerable to global price fluctuations.



Vegetable seeds and other materials are largely imported into Malaysia, leaving the sector vulnerable to global price fluctuations, says an industry figure. NSTP FILE PIC

He estimated that production costs had risen by 10 per cent to 20 per cent.

At a wet market in Bangi, trader Nurul Atiqah said prices of some vegetables had already increased.

"Popular leafy greens such as sawi, bayam and kangkong are usually affected first, while chill-

ies and tomatoes fluctuate depending on supply," she said.

A consumer, Ellis, said rising prices had not significantly changed her spending habits.

"The cost of living is higher, but I manage by planning my purchases. For now, I am not too affected."